



AT-TAQWA

Direrbitkan Oleh : SABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR

BIL. 6

Syawwal 1425
Disember 2004

web: mufti.selangor.gov.my
Email: mufti_sel@selangor.gov.my

التقوى



Perbezaan Awal Puasa dan Hari Raya:
Malaysia dan Timur Tengah

Ms 4

Islam Hadhari Ms 7

Negara Maju Dari Perspektif Islam Ms 8

Keputusan Fatwa Negeri Selangor Ms 17



Perutusan

**Sahibus Samahah
Dato' Seri Utama Diraja
Mufti Negeri Selangor**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan yang memiliki semesta alam, selawat dan salam untuk Junjungan

Besar kita Nabi Muhammad S.A.W, seterusnya kepada para sahabat serta tabien yang sentiasa mengikuti jejak langkah Baginda S.A.W hingga ke hari penentuan.

Alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah kerana kita dapat hidup dengan aman dan damai di bumi Malaysia yang bertuah ini, serta dapat kita menjalankan ibadah kepada Allah dengan jayanya. Kejayaan sebenar akan diperolehi apabila manusia mengikuti ajaran yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W.

Kita perlu mencari dan menyemai semula nilai-nilai murni yang mungkin hilang atau tenggelam disebabkan keghairahan untuk mengejar kekayaan kebendaan dan pengaruh pemodenan. Kita harus berpegang kepada sikap kesederhanaan serta mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan, menghargai ibu bapa, guru, orang tua, jiran tetangga dan masyarakat. Kita perlu memiliki nilai moral dan integriti yang tinggi.

Menjelang terbitnya fajar Tahun 2005, marilah sama-sama kita berazam untuk menjadi manusia yang lebih berilmu, berpengetahuan, berkemahiran dan lebih berwibawa. Marilah kita sama-sama melangkah ke tahun baru dengan tekad untuk bekerja secara tekun, bersungguh-sungguh, komited dan ikhlas demi masa hadapan negara yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Masa kini adalah merupakan waktu yang paling sesuai untuk kita muhasabah segala prestasi yang telah kita capai sepanjang tahun. Dengan bermuhasabah, kita boleh mengenal pasti dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi segala kekurangan yang telah lalu.

Semoga segala usaha yang dilakukan ini akan mendapat keberkatan dan keredhaan dari Allah S.W.T di dunia dan akhirat, amin!

KEJUJURAN DAN KETEKUNAN

KANDUNGAN

- | | | | |
|---|---|----|---|
| 2 | Perutusan Mufti, Sidang Redaksi | 10 | Aktiviti Jabatan Mufti Negeri Selangor |
| 3 | Jabatan Mufti Selangor Abad ke 21 | 12 | Isu dan Permasalahan Semasa |
| 4 | Perbezaan Awal Puasa dan Hari Raya: Malaysia & Timur Tengah | 15 | Anda bertanya Jabatan Mufti Menjawab |
| 6 | Kisah Tauladan: Kisah 5 Perkara Aneh | 17 | Keputusan Fatwa Negeri Selangor |
| 7 | Islam Hadhari | 19 | Penentuan Arah Kiblat: Julai - Oktober 2004 |
| 8 | Negara Maju Dari Perspektif Islam
(Siti Shamsiah Hj. Mohd. Supi) | | |

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Sahibus Samahah
Dato' Hj. Mohd. Tamyas B. Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor

PENASIHAT

Sahibus Samahah
Dato' Hj. Abdul Majid B. Hj. Omar
Timbalan Mufti Negeri Selangor

KETUA PENGARANG

Tuan Hj. Zainal Abidin B. Sulaiman

KETUA EDITOR

Encik Mohammad Nabil B. Haji Abu Naim

SIDANG PENGARANG

En. Abdul Razak B. Johar
Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan
Ustaz Hairul Anuar B. Samingan

SIDANG EDITOR

Puan Rosidah Bt. Saubiran
Cik Umi Sofia Bt. Saad
Puan Norhidah Bt. Kampol

PENULIS JEMPUTAN

Puan Siti Shamsiah Bt. Md. Supi
(Pegawai Penyelidik, Pusat Syariah, Undang-undang dan
Sains Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia)

GRAFIK

Mohd. Aasri B. Ab. Razak

JURUTAIP

Ustaz Abdul Latip B. Ibrahim
Ustazah Norhazanah Bt. Sarlan
Puan Nur Washifaiha Bt. Radzuan

EDARAN

En. Abdul Hamid B. Arasat
En. Khalid B. Abdul Hamid
Hj. Zasali B. Mohd. Yunus
En. Amirudin B. Hamzah
En. Muhamad Ikhwani Syahrani B. M. Salih

JABATAN MUFTI SELANGOR PADA ABAD KE 21

1) Pelaksanaan MS ISO 9001 : 2000

Hasil daripada kerjasama pegawai dan kakitangan yang gigih selama setahun menyediakan dokumen ISO, bermula pada 21 September 2003, akhirnya Jabatan Mufti Selangor telah berjaya diberikan persijilan MS ISO 9001 : 2000 oleh pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 17 September 2004. Persijilan tersebut adalah untuk tempoh sah dari 17 September 2004 sehingga 16 September 2007.

Skop Pendaftaran Sistem Kualiti ialah:-

- Pengurusan Pengeluaran dan Pewartaan Fatwa. Dan;
- Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan

Adalah diharapkan dengan adanya persijilan MS ISO 9001 : 2000, kualiti perkhidmatan Jabatan Mufti Selangor akan terus meningkat maju di masa akan datang. Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti telah disampaikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Dato' Menteri Besar Selangor pada 11 Oktober 2004 sempena Majlis Pelancaran Bulan Kualiti tahun 2004 di Auditorium Jubli Perak, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

2) Hari Keluarga Jabatan Mufti Selangor

Bagi mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kakitangan, Jabatan Mufti Selangor telah berjaya mengadakan Hari Keluarga kali ke-5 pada 28 & 29 Ogos 2004, bertempat di Hotel Ancasa Resort Allsuits Port Dickson. Penyertaan warga kerja disertai oleh keluarga masing-masing menjadikan jumlah penyertaan adalah seramai 90 orang. Penglibatan mereka ini memeriahkan lagi aturcara majlis yang disediakan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah solat berjemaah, ta'aruf, tazkirah dan sukaneka. Perbelanjaan hari keluarga diperolehi daripada sumbangan Y.A.B. Menteri Besar Selangor, Pegawai Kewangan Negeri Selangor, Syarikat Johawaki dan Syarikat Subang Sembilan Enterprise. Justeru itu, Jabatan Mufti Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas segala sumbangan yang diberikan. Adalah diharapkan agar ianya akan terus menjadi acara tradisi tahunan Jabatan.

3) Penganugerahan Perkhidmatan Cemerlang

Tahniah kepada Ustaz Rizal bin Ramli, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S27 kerana telah dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang sempena Majlis Pelancaran Bulan Kualiti Tahun 2004 Dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2003, pada 11 Oktober 2004 yang dirasmikan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

4) Kemasukan Kakitangan Baru

Nama Pegawai	Jawatan	Tarikh
Muhamad Ikhwan Syahrani b. M. Salih	Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3-Kontrak (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)	6.7.2004
Cik Umi Sofia bt. Saad	Pembantu Tadbir Kewangan Gred W17 (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)	2.8.2004
Cik Zarina bt. Mohd Judi	Pembantu Hal Ehwal Islam Gred S17-Sambilan	4.12.2004

PERBEZAAN AWAL PUASA DAN HARI RAYA: MALAYSIA & TIMUR TENGAH

Oleh : Ustaz Hairul Anuar B. Samingan (*Bahagian Falak Syarie*)

Pendahuluan

Masyarakat sering membuat perbandingan di antara tarikh permulaan Ramadhan dan Syawwal di negara Timur Tengah amnya dan negara Arab Saudi khususnya dengan tarikh yang ditetapkan di Malaysia. Sebahagian kecil yang membuat anggapan tarikh awal bulan di Arab Saudi lebih tepat. Malahan yang mengikut perasaan akan memula dan mengakhiri Ramadhan berpandukan laporan penetapan tarikh dari negara Arab Saudi.

Perspektif Astronomi

Penetapan tarikh hijri adalah persoalan science-sosial-religious. Apabila pihak berkuasa Malaysia telah menetapkan kaedah atau penetapan tarikh, sepatutnya tarikh berkenaan dipatuhi dan diikuti. Perbezaan takwim dengan mana-mana negara lain boleh berlaku disebabkan kaedah yang digunakan atau sifat fizikal bulan di antara kedua-dua negara berkenaan. Terdapat beberapa kaedah penentuan awal bulan hijri yang dipraktikkan di kalangan negara-negara Islam. Di antaranya ialah kenampakan anak bulan (rukyah mutlak), jangkaan kenampakan anak bulan (imkannur rukyah), wujudul hilal dan ijtimak hakiki.

Takwim Islam yang asal adalah berdasarkan kenampakan anak bulan. Oleh itu melihat anak bulan telah menjadi satu kaedah penyelidikan takwim yang saintifik dan tidak lagi boleh dianggapkan sebagai satu aktiviti keagamaan yang bersifat rutin. Keputusan sama ada bermula atau tidak bulan baru, tidak semata-mata bergantung kepada kenampakan anak bulan, tetapi lebih bergantung kepada 'sifat anak bulan' itu sendiri. Dari satu aspek lain, sekiranya kita bergantung kepada hasil rukyah untuk membuat taqvim, tentunya taqvim tersebut tidak dapat memenuhi kehendak dan keperluan takwim awam kerana tarikh awal bulan hanya boleh ditentukan selepas usaha melihat anak bulan dibuat. Oleh itu ahli-ahli astronomi dan ahli-ahli takwim Islam telah membuat satu pendekatan baru tentang takwim rukyah, iaitu yang berdasarkan kepada kemungkinan nampak anak bulan atau 'imkannur rukyah'. Kaedah ini mula diperkenalkan sejak tahun 1978 melalui resolusi Persidangan Hilal Negara-negara Islam di Istanbul.

Kaedah Imkannur-rukyah

Malaysia merupakan salah satu dari negara yang menggunakan kaedah jangkaan kenampakan anak bulan sebagai asas takwim hijri, termasuk untuk penentuan awal Ramadhan, Syawwal dan Zulhijjah. Satu aspek penting dalam kaedah ini ialah syarat kenampakan anak bulan. Mulai tahun 1991, syarat kenampakan anak bulan yang digunakan di Malaysia untuk membuat pertimbangan kenampakan anak bulan pada hari ke 29 hijri sebagaimana berikut:

Ketika matahari terbenam,

- (i) Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°, DAN
- (ii) Jarak lengkok matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°.

ATAU

Ketika bulan terbenam, umur bulan tidak kurang daripada 8 jam.

Kaedah yang digunakan di Malaysia, malahan di beberapa negara Asia Tenggara merupakan pendekatan yang terbaik dari segi syarak dan astronomi. Walau bagaimanapun, penggunaan asas takwim hijri di beberapa negara Timur Tengah agak meragukan. Sering kali kita menerima laporan kenampakan anak bulan pada hari bulan menurut keadaan fizikalnya tidak akan berada di atas ufuk. Peristiwa yang sama berlaku bagi penentuan Ramadhan tahun ini, di mana anak bulan dilaporkan kelihatan di Yemen. Dipercayai, negara berkenaan menggunakan kaedah rukyah mutlak di mana rakyat biasa akan melakukan rukyah sendiri dan melaporkannya kepada pihak berkuasa. Kaedah ini boleh mencetuskan banyak kekeliruan. Di Malaysia, tugas melihat anak bulan dilakukan oleh petugas rasmi yang dilantik dan mempunyai kemudahan pencerapan yang baik. Kesemua tempat melihat anak bulan dilengkapi dengan peralatan teleskop dan teodolit. Ahli-ahli rukyah juga dibekalkan dengan data rukyah yang mengandungi jadual pergerakan bulan dan matahari pada hari rukyah. Kemudahan begini sudah boleh dianggap memadai untuk tujuan merukyah anak bulan kerana di seluruh negara terdapat sebanyak 26 tempat melihat anak bulan. Merukyah secara sebarangan dan tanpa bantuan peralatan teknikal boleh memberikan keputusan yang berlawanan dengan hakikat sebenar. Anak bulan akan didakwa kelihatan, walaupun sebenarnya anak bulan tidak berada di atas ufuk. Justeru itu, segala langkah teknikal untuk mengelakkan 'kerosakan' (sadduh dzaraih) dalam melaksanakan tuntutan rukyah perlulah di ambil perhatian.

Sebagai contoh, negara Arab Saudi telah memulakan awal Ramadhan sama dengan Malaysia, iaitu pada hari Khamis (9 Disember 1999). Justeru itu, dijangkakan pihak berkuasa Arab Saudi akan mengisytiharkan tarikh 29 Ramadhan bersamaan 6 Januari 2000 sebagai hari rukyah, sama seperti negara Malaysia. Persoalan yang timbul adalah bagaimana sifat bulan di Malaysia dan di negara Timur Tengah? Menurut almanak astronomi, fasa ijtimak iaitu pemisahan di antara bulan lama Ramadhan dengan bulan baru Syawwal hanya akan berlaku pada pagi Jumaat, 7 Januari 2000, jam 2.15 pagi bersamaan jam 10.15 malam di negara Arab Saudi. Dari data ini jelas menunjukkan ketika matahari terbenam di Malaysia dan Arab Saudi, fasa ijtimak belum berlaku lagi. Di Malaysia bulan akan terbenam kira-kira 18 minit sebelum matahari terbenam. Manakala di negara Arab

Saudi bulan akan terbenam kira-kira 10 minit selepas matahari terbenam. Kesimpulannya di kedua-dua negara dan kawasan di antaranya, anak bulan belum wujud lagi. Pemisahan sempurna bulan dengan matahari bagi menandakan pembentukan fasa anak bulan Syawwal 1420 hanya berlaku di tengah-tengah Lautan Atlantik. Dengan ini negara-negara di sebelah timur dari Benua Amerika (termasuk Afrika, Timur Tengah dan Asia) tidak mungkin boleh menyambut Aidil Fitri pada hari Jumaat (7 Januari 2000). Awal Syawwal bagi negara-negara Timur Tengah dan Asia Tenggara sepatutnya disambut pada hari Sabtu, 8 Januari 2000. Sekiranya ada negara-negara pada kawasan berkenaan menyambut Syawwal pada hari Jumaat dengan dakwaan anak bulan kelihatan di tempat mereka, maka ini merupakan satu kekeliruan atau mereka mungkin menggunakan kaedah lain yang tidak mengambil kira sifat anak bulan.

Penyeragaman Taqvim Islam

Saranan-saranan supaya diseragamkan tarikh atau takwim Islam memang kerap diadakan dalam banyak forum antarabangsa, malahan anjuran OIC sendiri. Namun apa yang dikesalkan ialah sikap dan dasar sesetengah kerajaan negara-negara Islam tidak mengambil berat masalah takwim Islam. Mereka masih mengekalkan kaedah-kaedah takwim yang meragukan. Hal inilah yang mendorong MABIMS (Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura) mengambil langkah segera dengan mengemukakan penyelarasan peringkat serantau. Selain dari membuat penyelarasan dalam hal-ehwal Islam, pihak MABIMS juga telah mencapai persetujuan mengenai penetapan tarikh yang sama bagi hari-hari perayaan Islam. Termasuklah langkah Malaysia mengubah kaedah penentuan tarikh Hari Raya Korban daripada mengikut tarikh wukuf oleh kerajaan Arab Saudi kepada kaedah penyelarasan MABIMS.

Sesuatu yang perlu diambil perhatian dalam usaha penyeragaman takwim Islam ialah permulaan tarikh hijriyah yang sama di seluruh dunia tidak mungkin dapat dicapai. Ini kerana takwim hijriyah (dan takwim lunar lain) secara tabie akan berbeza selama satu hari berdasarkan tarikh syamsiyah (solar). Ini disebabkan detik kelahiran anak bulan tidak berlaku tepat di Garisan Tarikh Antarabangsa (180°), tetapi garisan kelahiran tersebut yang dinamakan Garis Batas Bulan Baru (GBBB) boleh berlaku di mana-mana titik di muka bumi dan pada bila-bila masa mengikut pergerakan bulan. Apabila garis batas tersebut diunjurkan secara bersistem dengan kriteria astronomi tertentu yang menjangkakan kenampakan pertamanya, maka garisan tersebut dinamakan Garis Tarikh Bulan Antarabangsa (ILD). Walau bagaimanapun sekiranya penyeragaman dari segi kaedah dan kriteria bulan baru dapat dibuat dan diterima secara global, hampir pasti dunia Islam akan dapat menggunakan takwim hijriyah yang sistematik.

Amalan Rukyah Dan Hisab

Terdapat juga teguran-teguran yang mengatakan bahawa amalan rukyah di Malaysia tidak selari dengan hisab falak, di mana anak bulan masih tetap dirukyah

walaupun mengikut hisab anak bulan tiada. Sebenarnya merukyah anak bulan sama ada pada hari ke 29 atau 30 bukanlah satu tugas fizikal yang sangat berat sehingga ia boleh ditafsirkan sebagai sia-sia dan membuang masa. Merukyah sebenarnya adalah satu tuntutan syarak yang mengandungi manifestasi tradisi keilmuan yang tinggi dalam sistem takwim Islam. Tanggungjawab ahli rukyah sama berat sama ada ketika merukyah itu bulan ada atau pun tidak. Sekiranya bulan telah terbenam terdahulu daripada matahari (bulan tua), ahli rukyah berkewajipan pula untuk memastikan bahawa selepas matahari terbenam, tidak ada apa-apa benda lain yang boleh dikelirukan sebagai anak bulan. Ahli-ahli rukyah telah dibekalkan pemahaman yang secukupnya tentang sifat-sifat bulan, bentuk bulan dan arahnya. Oleh itu tugas ahli-ahli rukyah dalam dua keadaan itu sama penting selepas terbenamnya matahari.

Amalan rukyah di Malaysia juga tidak semata-mata melihat anak bulan secara fizikal atau dengan bantuan 'teropong' sahaja tetapi juga meliputi kepada melihat 'jisim anak bulan' itu sendiri. Ahli-ahli astronomi memang dapat menghisab kedudukan anak bulan dan waktu berlakunya ijtimak dengan tepat, tetapi ahli-ahli astronomi masih belum dapat menentukan bilakah anak bulan itu mula boleh kelihatan. Anak bulan tidak boleh terus kelihatan sebaik sahaja selepas berlakunya ijtimak, tetapi ia memerlukan masa untuk membolehkan cahaya anak bulan itu dapat dikesan oleh mata manusia. Ini adalah cabaran terbesar ahli-ahli astronomi Islam sekarang, iaitu untuk mengemukakan tempoh masa di antara waktu ijtimak ke waktu kenampakannya yang pertama. Kenampakan pertama ini tidak perlulah mengambil kira faktor-faktor cuaca tempatan, tetapi sekadar membuat hubungan relatif kemampuan cahaya bulan mempamerkan cahayanya dalam situasi yang biasa. Sekiranya masalah ini dapat diselesaikan dan satu keputusan dapat dibuat di kalangan ahli-ahli astronomi, maka ahli-ahli takwim bolehlah menggunakan tempoh masa tersebut sebagai asas takwim. Insyaallah, apabila sifat-sifat fizikal bulan yang melibatkan kenampakannya telah dapat dibuat, maka kita boleh meyakini tahap umur bulan selepas ijtimak yang membolehkan ia kelihatan tanpa dipertikaikan oleh sesiapa. Almanak astronomi ada menyatakan bahawa anak bulan akan kelihatan apabila fasanya sudah melebihi 1% atau umurnya hampir 24 jam. Tetapi pengalaman-pengalaman rukyah di Malaysia sendiri menunjukkan rekod anak bulan yang paling muda pernah kelihatan ialah ketika fasa cahayanya 0.6%, manakala rekod di Amerika Syarikat pula ialah 0.5%. Kesemua ini memerlukan kajian lanjut dan komitmen bersungguh-sungguh dari ahli-ahli falak, para ulama' dan mereka yang bertanggungjawab dalam membuat dasar takwim di negara masing-masing.

Penutup

Masa depan penggunaan takwim yang berdasarkan kenampakan anak bulan ini bergantung sepenuhnya kepada persefahaman di kalangan negara-negara Islam dan penerimaan mereka tentang kaedah-kaedah saintifik takwim hijriyah. Kekeliruan masyarakat terhadap penetapan sesuatu tarikh, boleh diatasi dengan mendidik mereka tentang sistem-sistem takwim Islam, amalan merukyah dan ilmu falak itu sendiri.

KISAH TAULADAN: KISAH 5 PERKARA ANEH

Oleh: En. Mohd. Aasri B. Ab. Razak (Bahagian Sumber Maklumat)

Abu Laits as-Samarqandi adalah seorang ahli fiqah yang masyhur. Suatu ketika dia pernah berkata, ayahku menceritakan bahawa antara Nabi-Nabi yang bukan Rasul ada menerima wahyu dalam bentuk mimpi dan ada yang hanya mendengar suara.

Maka salah seorang Nabi yang menerima wahyu melalui mimpi itu, pada suatu malam bermimpi diperintahkan yang berbunyi, "Esok engkau dikehendaki keluar dari rumah pada waktu pagi menghala ke barat. Engkau dikehendaki berbuat :-

1. Apa yang engkau lihat (hadapi) maka makanlah,
2. Engkau sembunyikan,
3. Engkau terimalah,
4. Jangan engkau putus harapan,
5. Larilah engkau daripadanya."

Pada keesokan harinya, Nabi itu pun keluar dari rumahnya menuju ke barat dan kebetulan yang pertama dihadapinya ialah sebuah bukit besar berwarna hitam. Nabi kebingungan sambil berkata, "Aku diperintahkan memakan pertama aku hadapi, tapi sungguh aneh sesuatu yang mustahil yang tidak dapat dilaksanakan." Maka Nabi itu terus berjalan menuju ke bukit itu dengan hasrat untuk memakannya. Ketika dia menghampirinya, tiba-tiba bukit itu mengecilkan diri sehingga menjadi sebesar buku roti. Maka Nabi pun mengambilnya lalu disuapkan ke mulutnya. Bila ditelan terasa sungguh manis bagaikan madu. Dia pun mengucapkan syukur 'Alhamdulillah'.

Kemudian Nabi itu meneruskan perjalanannya lalu bertemu pula dengan sebuah mangkuk emas. Dia teringat akan arahan mimpinya supaya disembunyikan, lantas Nabi itu pun menggali sebuah lubang lalu ditanamkan mangkuk emas itu, kemudian ditinggalkannya. Tiba-tiba mangkuk emas itu terkeluar semula. Nabi itu pun menanamkannya semula sehingga tiga kali berturut-turut. Maka berkatalah Nabi itu, "Aku telah melaksanakan perintahmu." Lalu dia pun meneruskan perjalanannya tanpa disedari oleh Nabi itu, mangkuk emas itu keluar semula dari tempat ia ditanam.

Ketika dia sedang berjalan, tiba-tiba dia ternampak seekor burung helang sedang mengejar seekor burung kecil. Kemudian terdengarlah burung kecil itu berkata, "Wahai Nabi Allah, tolonglah aku." Mendengar rayuan burung itu, hatinya merasa simpati lalu dia pun mengambil burung itu dan dimasukkan ke dalam bajunya. Perhatikan keadaan itu, lantas burung helang itu pun datang menghampiri Nabi itu sambil berkata, "Wahai Nabi Allah, aku sangat lapar dan aku mengejar burung itu sejak pagi tadi. Oleh itu janganlah engkau patahkan harapanku dari rezekiku." Lantas Nabi teringat pesan arahan dalam mimpinya yang keempat, iaitu tidak boleh putus harapan. Dia menjadi kebingungan untuk menyelesaikan perkara itu. Akhirnya dia membuat keputusan untuk mengambil pedangnya lalu memotong sedikit daging

pehanya dan diberikan kepada helang itu. Setelah mendapat daging itu, helang pun terbang dan burung kecil tadi dilepaskan dari dalam bajunya.

Selepas kejadian itu, Nabi meneruskan perjalanannya. Tidak lama kemudian dia bertemu dengan satu bangkai yang amat busuk baunya, maka dia pun bergegas lari dari situ kerana tidak tahan menghidu bau yang menyakitkan hidungnya. Setelah menemui kelima-lima peristiwa itu, maka kembalilah Nabi ke rumahnya. Pada malam itu, Nabi pun berdoa. Dalam doanya dia berkata, "Ya Allah, aku telah pun melaksanakan perintah-Mu sebagaimana yang diberitahu di dalam mimpiku, maka jelaskanlah kepadaku erti semuanya ini."

Dalam mimpi beliau telah diberitahu oleh Allah S.W.T. bahawa:

1. Engkau makan itu ialah marah. Pada mulanya nampak besar seperti bukit tetapi pada akhirnya jika bersabar dan dapat mengawal serta menahannya, maka marah itu pun akan menjadi lebih manis daripada madu.
2. Semua amal kebaikan (budi), walaupun disembunyikan, maka ia tetap akan nampak jua.
3. Jika sudah menerima amanah seseorang, maka janganlah kamu khianat kepadanya.
4. Jika orang meminta kepadamu, maka usahakanlah untuknya demi membantu kepadanya meskipun kau sendiri berhajat.
5. Bau yang busuk itu ialah ghibah (menceritakan hal seseorang). Maka larilah dari orang-orang yang sedang duduk berkumpul membuat ghibah."

Saudara-saudaraku, kelima-lima kisah ini hendaklah kita semai dalam diri kita, sebab kelima-lima perkara ini sentiasa sahaja berlaku dalam kehidupan kita sehari-hari. Perkara yang tidak dapat kita elakkan setiap hari ialah mengata hal orang, memang menjadi tabiat seseorang itu suka mengata hal orang lain. Haruslah kita ingat bahawa kata-mengata hal seseorang itu akan menghilangkan pahala kita, sebab ada sebuah hadis mengatakan di akhirat nanti ada seorang hamba Allah akan terkejut melihat pahala yang tidak pernah dikerjakannya. Lalu dia bertanya, "Wahai Allah, sesungguhnya pahala yang Kamu berikan ini tidak pernah aku kerjakan di dunia dulu."

Maka berkata Allah S.W.T., "Ini adalah pahala orang yang mengata-ngata tentang dirimu." Dengan ini haruslah kita sedar bahawa walaupun apa yang kita kata itu memang benar, tetapi kata-mengata itu akan merugikan diri kita sendiri. Oleh kerana itu, hendaklah kita jangan mengata hal orang walaupun ia benar.

ISLAM HADHARI

Oleh: Ustaz Nurhelmi B. Ikhsan (*Bahagian Istihsat*)

Apabila Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia menyebut tentang Islam Hadhari sedikit masa dahulu, ramai di kalangan rakyat turut menyebut dan mengulangi istilah tersebut, baik di kalangan para pemimpin politik, pegawai kerajaan, ulama', ahli akademik, pengulas di akhbar dan tidak ketinggalan juga rakyat biasa daripada pelbagai peringkat masyarakat. Sebahagian besar rakyat masih belum pasti apa sebenarnya Islam Hadhari itu. Oleh yang demikian, amat kurang mereka yang dapat memberikan penjelasan atau membuat apa-apa komen mengenainya. Ulama'-ulama' muktabar dahulu tidak ada yang menyebutnya dan istilah ini juga tidak disebutkan di dalam Al-Quran mahupun Hadis. Ia hanya disebut oleh beberapa ilmuan mutakhir dan kefahaman ini belum meluas dan masih belum diterima umum.

Hadhari adalah dari perkataan Arab 'hadhara'. Jika hendak diterjemahkan dari segi bahasa, maknanya ialah hadir (hadir). Bila ditambah 'ya' diujungnya menjadi hadhari, maka maksudnya menjadi isim nisbah iaitu dibangsanakan kepada hadir. Terjemahan atau kupasan kepada istilah hadir ini ialah **realiti**. Jadi, Islam Hadhari ialah **Islam realiti**. Apa yang dimaksudkan dengan realiti ini ialah yang sebenar atau yang menjadi arah tuju Islam, yang tulen dan yang hakiki. Dalam erti kata lain, Islam sepertimana yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. dan pada zaman para sahabat yang mana ianya bukan sahaja membawa kepada kemajuan rohaniah malahan kemajuan lahiriah.

Sumber ambilan Islam Hadhari adalah daripada pandangan hidup Islam seperti yang terkandung di dalam Al-Quran dan Hadis. Intisari pandangan hidup Islam itu ialah manusia dicipta dengan bertujuan untuk beribadah kepada Allah. Bagi mengisi erti peribadahan itu, manusia diberikan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba Allah dan khalifah di muka bumi untuk memakmurkannya. Allah S.W.T. telah berfirman:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Maksudnya: 'Dialah yang menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya.'

(Surah Hud : 61)

Manusia dilengkapi dengan keupayaan (akal, roh, naluri dan jasmani) yang membolehkannya menjana keupayaan untuk menunaikan tugas dan tanggungjawabnya. Seterusnya manusia berkewajipan untuk memanfaatkan nikmat yang disediakan di langit, di bumi dan apa yang ada di antara keduanya bagi memenuhi kewajipan yang terkandung dalam pegangan hidupnya. Dengan ini, instrumen untuk kita menghayati dan melaksanakan Islam Hadhari itu ialah melalui ilmu, iman dan amal soleh.

Kesimpulannya, segala apa yang dimaksudkan dengan Islam Hadhari ialah Islam yang indah dan bersifat global. Semua aspek Islam perlu diterapkan dalam setiap tindakan. Aqidah dan syariat terbawa dan berlaku dalam segala aspek dan tempat, sama ada dalam diri sendiri, rumahtangga, masyarakat dan negara. Begitu juga dari aspek pentadbiran, ekonomi, pendidikan, kebudayaan, pertanian, hiburan, perhubungan, hal ehwal dalam negara dan antarabangsa. Demikianlah indahnya apa yang diperkatakan tentang Islam Hadhari.

Rujukan:

1. Islam Hadhari Sebagai Teras Pemacu Kemajuan Negeri Maju, Datuk Mohd. Nakhaie Ahmad.
2. <http://yadim.com.my/Hadhari>

Dari Aisyah r.a. katanya: "Rasulullah SAW lebih suka mandahulukan yang kanan dalam segala keadaan (perbuatan) seperti memakai terompah, bersikat, berwudhuk dan mandi."

NEGARA MAJU DARI PERSPEKTIF ISLAM


Oleh: Pn. Siti Shamsiah Hj. Mohd. Sufi

Pegawai Penyelidik, Pusat Syariah, Undang-undang dan Sains Politik
Institut Kefahaman Islam Malaysia

Istilah 'maju' memberi maksud sebagai bergerak ke muka, melangkah ke hadapan atau mengasak ke hadapan (Kamus Dewan, hlm. 844). Maka secara ringkasnya ini membawa maksud bahawa negara maju adalah negara yang bergerak ke hadapan. Ia bersifat relatif kerana terdapat perbandingan dalam situasi tersebut (maju). Negara kita mungkin boleh disifatkan sebagai negara yang lebih maju berbanding negara Kemboja umpamanya, tetapi agak ketinggalan jika hendak dibandingkan dengan kebanyakan negara di barat atau di Eropah. Walaupun demikian, manusia secara adatnya membuat perbandingan kemajuan ini menurut kayu pengukur yang berasaskan materialisme.

Sebagai cara hidup yang mementingkan nilai spiritual, maka mungkin timbul persoalan bagaimanakah untuk mengukur kemajuan sesebuah negara menurut neraca Islam? Ataupun, bagaimanakah untuk membina sebuah negara maju menurut perspektif Islam?

Islam sebenarnya tidak menolak pembangunan yang menjadi proses kepada kemajuan sesebuah negara kerana pembangunan sebenarnya adalah pendekatan yang dapat memudahkan manusia menjalankan fungsi sebenar sebagai hamba yang perlu beribadat kepada Tuhannya. Manusia memerlukan pakaian yang sempurna dan menutup aurat untuk bersembahyang. Sembahyang secara berjemaah pula memerlukan prasarana yang sesuai seperti bangunan masjid, surau atau sekurang-kurangnya musolla sedangkan bangunan atau tempat beribadah adalah struktur binaan yang boleh dilihat dari pelbagai sudut seperti nilai estetika, budaya bahkan tahap kemajuan seni reka. Bumi yang maju juga menggambarkan bahawa manusia telah dapat melaksanakan peranannya sebagai khalifah yang ditugaskan untuk memakmurkan bumi Allah S.W.T. ini.



Di sini kita dapat melihat bahawa ibadah itu sendiri mempunyai kaitan yang akrab dengan pemilikan harta benda atau kekayaan, dan kekayaan itu sendiri membuktikan kejayaan dan majunya seseorang dalam kehidupannya. Justeru, apabila Islam tidak menolak proses pembangunan material, kekayaan dan kemajuan, maka bermakna Islam menerima piawaian secara fizikal dan kuantitatif untuk mengukur satu-satu kemajuan bagi sesebuah negara, terutama dari aspek ekonomi selain dari aspek politik dan sosial. Cuma ia perlu digabungkan dengan nilai-nilai spiritual dan ukhrawi.

Langkah pertama yang perlu dilaksanakan menurut pendekatan Islam dalam proses membawa negara ke arah kemajuan, ialah pembangunan diri manusia. Pembangunan diri ini perlu dimulakan dengan pembangunan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Penguasaan ilmu pengetahuan yang tinggi mampu membawa negara ke arah kemajuan. Dan ilmu pengetahuan yang dimaksudkan di sini ialah ilmu yang berasaskan wahyu dan 'aqli.

Negara yang maju tidak akan terbina sekiranya rakyat negara tersebut berada dalam ketandusan ilmu, sedangkan ia bertentangan dengan fungsi manusia sebagai khalifah yang perlu memakmurkan dunia. Kejahilan adalah musuh kemajuan dan beban kepada negara. Kekayaan sumber alam semata-mata tanpa

golongan tenaga mahir dan profesional, tidak mampu membawa negara kepada kemajuan. Malangnya, fenomena inilah yang kita lihat di kalangan negara-negara Islam pada hari ini.

Negara memerlukan insan yang berkualiti iaitu menguasai ilmu (wahyu dan 'aqli), bersikap proaktif, boleh bekerjasama dalam melakukan kerja secara berkumpulan, bersemangat tinggi dan berakhlak mulia. Pembinaan diri dengan penguasaan ilmu adalah suatu tindakan pemeliharaan akal dan ia adalah sebahagian daripada *maqasid al-syariah* yang selainnya ialah pemeliharaan agama, nyawa, keturunan dan harta benda. Maka menurut Muhammad Asad, pihak pemerintah seharusnya



bertanggungjawab menyediakan sistem pendidikan yang membenarkan setiap rakyat memperoleh ilmu dengan mudah. (The Principles of States and Government in Islam, Dar al-Andalus, Gibraltar, 1980, hlm. 86-87). Pada waktu Nabi Adam a.s. telah dilantik sebagai khalifah, baginda telah diajar dengan pelbagai ilmu sebagaimana maksud firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah (2) ayat 31, "Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para malaikat lalu berfirman: 'Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar!'"

Berdasarkan kepada firman Allah S.W.T. ini, dalam *Tafsir al-Kabir* menjelaskan tentang kelebihan ilmu, sifat ilmu yang tidak ada batasnya, orang yang berilmu mempunyai kedudukan yang tinggi dan sebaik-baik kehidupan bagi seseorang adalah apabila dia mempunyai ilmu dan harta. Akan tetapi sekiranya seseorang itu tidak memiliki harta, maka dia perlu sekurang-kurangnya mempunyai ilmu kerana ilmu adalah harta yang hakiki (Al-Fakhru al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, vol. 2, hlm. 178).

Maqasid al-syariah perlulah dijadikan teras kepada proses kemajuan sesebuah negara iaitu dalam keadaan kemajuan yang dicita-citakan itu mestilah kemajuan yang menghasilkan kebaikan (*al-maslahah*) dan menolak keburukan (*al-mafsadah*) bagi rakyat negara tersebut, untuk kedua-dua dimensi, dunia dan akhirat. Kemajuan perlulah dilihat sebagai *maslahah* dan sekiranya ia tidak mampu memelihara *maslahah*, maka negara tersebut tidak dianggap sebagai negara yang maju menurut perspektif Islam.

Sebagai suatu *maslahah* juga pemerintah perlu menyediakan peluang-peluang ekonomi yang membenarkan setiap rakyat mencapai dan mengekalkan kebahagiaan serta maruah diri (*Ibid*). Inilah juga yang turut ditekankan oleh Musgrave sebagai tiga fungsi utama kerajaan iaitu



fungsi peruntukan (*allocation*), agihan (*distribution*) dan kestabilan (*stabilization*) (Richard A. Musgrave dan Peggy B. Musgrave, *Public Finance in Theory and Practice*, Mc Graw Hill, 1973). Menariknya di sini kita mendapati bahawa pendapat yang diutarakan oleh Muhammad Asad dan Musgrave mempunyai objektif yang sama dengan apa yang ditafsirkan di dalam *Tafsir al-Kabir* sebelum ini.

Ringkasnya di sini, negara yang maju yang diiktiraf oleh Islam adalah negara yang mencapai pembangunan fizikal yang tinggi serta memiliki rakyat yang memiliki ketakwaan dan nilai integriti yang tinggi dan bukannya rakyat yang rosak akhlak. Seterusnya ia adalah sebuah negara yang mampu menjadi model kepada negara-negara lain bahkan kepada negara-negara yang hanya maju dari perspektif fizikal semata-mata tetapi menanggung masyarakat yang rapuh (*decadent society*). Imej negara maju perlu dicapai terutamanya oleh negara Islam. Ini sangat penting kerana imej negara Islam pada hari ini sangat mengelirukan. Ia dikaburi oleh imej-imej negatif dengan label kemunduran, kemiskinan, kejahilan, kebuluran dan mutakhir ini dikaitkan pula dengan ektrimisme, keganasan dan tidak ada tolak ansur.

"Orang Yang Berfikiran
Besar Memperkatakan Tentang Ilmu, Orang Yang Berfikiran
Sederhana Memperkatakan Tentang peristiwa, Orang Yang Berfikiran
Rendah Memperkatakan Tentang Manusia Dan Orang Yang Berfikiran
Cetek Memperkatakan Tentang Diri Sendiri."

AKTIVITI JABATAN M



1. Para Tetamu Kehormat yang hadir semasa Perasmian Seminar Pemantapan Aqidah Peringkat Negeri Selangor pada 7 Ogos 2005 di Hotel Goldcourse, Klang.

2. Para peserta yang hadir memenuhi dewan seminar semasa Seminar Pemantapan Aqidah dijalankan.

3. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyampaikan cenderahati kepada para pembentang kertas kerja yang dijemput dalam Seminar Pemantapan Aqidah.

4. Peserta Kursus Falak Syarie Daerah Kuala Selangor bergambar bersama Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.

5. Latihan secara praktikal dijalankan bagi memantapkan lagi pemahaman peserta.


6. Latihan penggunaan peralatan cerapan yang canggih juga turut diajar kepada para peserta.

7. Peserta Kursus Falak Syarie Daerah Hulu Selangor bergambar bersama Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor.

MUFTI NEGERI SELANGOR



8



9

8. Suasana ketika Majlis Penutup Kursus Falak Syarie, Daerah Hulu Selangor.

9. Latihan penggunaan peralatan cerapan kepada peserta kursus.

10. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor menyampaikan sijil MS ISO 9001:2000 kepada Encik Abdul Razak bin Johar sebagai wakil Jabatan Mufti Selangor.

11. Ustaz Rizal B. Ramli sedang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2003 yang disampaikan Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

12. Encik Mohammad Nabil menyampaikan penerangan kepada kakitangan semasa sesi latihan ICT dijalankan.

13. Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor menyampaikan ucapan aluan kepada warga jabatan ketika Majlis Sambutan Hari Keluarga Jabatan Mufti Selangor.

14. Antara warga Jabatan Mufti Selangor yang hadir dalam sambutan hari keluarga.



10



11



12



14



13

ISU DAN PERMASALAHAN SEMASA

A. PENYEMBELIHAN

Firman Allah :

فَكُلُوا مِمَّا ذُكِرَ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ إِن كُنْتُمْ بِآيَاتِهِ مُؤْمِنِينَ

"Makanlah dari apa-apa yang disebut nama Allah atasnya, jika kamu benar-benar beriman kepada ayat-ayatNya".
(Surah Al-Anam : 118)

وَلَا تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ

"Dan janganlah kamu makan dari apa-apa yang tidak disebut nama Allah atasnya, kerana ia suatu kedurhakaan".
(Surah Al-Anam : 121)

Rasulullah telah bersabda :

"Sesungguhnya Allah mewajibkan untuk berbuat baik terhadap sesuatu. Oleh kerana itu jika kamu membunuh, perbaikilah cara membunuhnya, apabila kamu menyembelih maka perelokkanlah cara penyembelihannya serta tajamkanlah pisaunya dan mudahkanlah penyembelihannya".

(Riwayat Muslim)

Berdasarkan nas-nas di atas, sesuatu penyembelihan hendaklah mengikut peraturan berikut:

- Penyembelihan hendaklah dilakukan oleh orang Islam yang sempurna akal dan mengetahui rukun-rukun dan syarat-syarat sembelihan.
- Haiwan yang hendak disembelih mestilah haiwan yang halal dimakan.
- Hendaklah haiwan itu masih hidup dalam keadaan biasa (*hayat mustaqirrah*)
- Hendaklah memutuskan halkum (saluran penafasan) dan marih (saluran makanan, minuman dan pendarahan); dan
- Alat penyembelihan mestilah tajam dan tidak terdiri dari tulang, kuku dan gigi.

B. HIDANGAN DAN PENYIMPANAN

Ulama' Islam telah menggariskan kaedah:

"Apabila berhimpun antara halal dengan haram, maka ia menjadi haram."

Berdasarkan kaedah ini, semua bahan halal yang disimpan, dipamer dan dihidang hendaklah diasingkan dalam setiap keadaan di antara halal dengan tidak halal untuk menghindarkan percampuran atau terkena najis di antara bahan halal dan tidak halal.

C. PEMROSESAN MAKANAN DAN MASAKAN

Semua makanan yang telah diproses adalah halal sekiranya bahan-bahan ramuannya halal dan pemprosesan adalah bersih dari najis seperti berikut :

- Tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari haiwan yang bagi orang Islam dilarang oleh hukum syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- Tidaklah mengandungi apa-apa benda yang dianggapkan sebagai najis mengikut hukum syarak sama ada sedikit atau banyak, seperti minyak babi, lemak dari bangkai, jenis-jenis arak dan lain-lain.

D. ALKOHOL

Kekeliruan yang timbul adalah seringkali dianggap bahawa alkohol disamakan kedudukannya dengan arak (khamar) yang sudah jelas dinyatakan haram hukumnya oleh Al-Quran. Alkohol dan arak sebenarnya mempunyai sifat perbezaan yang tersendiri, di mana setiap arak semestinya mengandungi alkohol dan tidak semestinya setiap alkohol yang dihasilkan itu datangnya daripada arak. Alkohol yang didapati dari proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis. Sebaliknya alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum.

E. DADAH

Dadah boleh dibahagikan kepada tiga jenis utama iaitu dadah depresan, dadah stimulan dan dadah halusinasi. Dadah depresan termasuk heroin, morfin, candu, kokein dan kumpulan pil-pil tidur. Dadah stimulan termasuk kokain, bahan-bahan amfetamin, gam, pelarut organik seperti benzen dan cat. Dadah halusinasi/khayalan pula termasuk LSD, PCP, crack dan yang mengandungi bahan psilosibin. Di dalam Al-Quran istilah 'khamar' adalah digunakan bagi semua bahan yang memabukkan atau boleh dikategorikan sebagai jenis "khamar" kerana ia boleh memabukkan, menghayalkan dan menyebabkan ketagihan, gangguan tingkah laku dan sebagainya terhadap keadaan fikiran.

Sehubungan dengan ini Rasulullah s.a.w. pernah bersabda :

"Setiap yang memabukkan adalah khamar dan setiap khamar adalah haram" (*Riwayat Muslim*)

Kesan dari akibat penggunaan dadah boleh membawa kematian mengejut, penyakit AIDS, hepatitis, kencing gigi, kanser paru-paru dan jantung. Kepada wanita yang hamil menyebabkan keguguran dan mandul kepada lelaki. Dadah dapat melemahkan otak menyebabkan kemalangan berlaku dalam keadaan khayal, di samping itu menimbulkan masalah psikologi dan sosial. Oleh yang demikian segala kegiatan melibatkan penggunaan dadah, jual beli, menanam, memproses dan menggunakan keuntungan hasil daripadanya adalah haram hukumnya.

F. MEROKOK

Rokok adalah sejenis barangan hisapan yang diperbuat dari daun pokok tembakau. Menurut Sheikh Azhar Mahmud Syaltut di dalam kitabnya Al-Fatwa, tembakau sebelum ini tidak diketahui oleh negara-negara Islam melainkan pada awal abad ke 11 Hijrah. Ulamak mutakhir kini tidak sependapat di dalam memutuskan hukum halal haramnya kerana Al-Quran dan Hadith tidak membicarakan secara jelas berdasarkan bahan ini. Sebahagian di kalangan ulamak, untuk mengatakan haram mungkin terlalu berat dan kebanyakan mereka memilih jalan tengah menghukumnya 'makruh'.

Dari sudut ekonomi, merokok merupakan suatu pembaziran wang yang sia-sia kerana ia bukanlah bahan-bahan yang boleh membenuk darah daging. Berdasarkan kajian perubatan pula, merokok mendatangkan kesan negatif terhadap organ di dalam tubuh manusia dan mencemarkan alam sekeliling. Menurut pakar perubatan, bahan kimia yang terhasil daripada pembakaran rokok seperti nikotin, gas monoksida dan sebagainya bukan sahaja membahayakan perokok malahan individu lain yang menyedut asapnya. Merokok boleh mendatangkan pelbagai penyakit seperti barah paru-paru atau dikenali sebagai kanser paru-paru, sakit kerongkong, sakit jantung, tibi dan seumpamanya. Tambahan pula laporan kematian yang dikeluarkan oleh pihak berwajib menyatakan, sebilangan besarnya terdiri dari kesan jangka panjang kerana merokok. Berdasarkan kesan negatif ini, terdapat ulamak mutakhir ini menyatakan merokok adalah haram.



Bagaimana mengatasi gejala yang dialami setelah anda meninggalkan rokok?

Bil	Simpton/Gejala	Penyelesaian
1	Gian dan berkeinginan untuk merokok	Mengunyah sesuatu seperti gula-gula, manisan, buah epal dan sebagainya
2	Emosi tidak stabil	Menarik nafas panjang secara perlahan-lahan sambil berselawat
3	Merasa letih dan kepenatan	Memperuntukan waktu tidur secukupnya.
4	Mulut dan kerongkong kering	Memperbanyakkan minum air masak dan air buah-buahan
5	Batuk dan gangguan tidur	Mengambil makanan yang panas dan segar setiap hari
6	Merasa hendak pitam	Menyedut udara segar
7	Merasa bosan terutamanya di waktu petang	Pergi ke pasar, berziarah atau berkebun
8	Sentiasa merasa lapar	Mengunyah chewing gum atau minum susu
9	Merasa tension/stress	Melakukan riadah atau senaman regangan
10	Bosan ketika memandu	Mendengar ceramah/pengisian yang bermanfaat dan lagu nasyid
11	Gangguan konsentrasi	Mempelbagaikan aktiviti yang disukai

Apakah yang akan berlaku jika anda berhenti dari merokok?

Selepas 20 minit :

1. Tekanan darah menjadi normal
2. Kepanasan suhu tangan dan kaki bertambah
3. Degupan jantung menjadi normal

Selepas 8 jam :

1. Kandungan karbon dioksida mulai hilang daripada darah
2. Menambahkan kandungan oksigen di dalam darah.

Selepas 24 jam

1. Mengurangkan berlaku serangan/gangguan jantung.

Selepas 48 jam

1. Berlaku tindakbalas dalaman bagi menghilangkan nikotin
2. Deria hidu dan rasa bertambah baik

Selepas 72 jam

1. Peredaran darah bertambah baik
2. Pernafasan menjadi lebih mudah

Selepas seminggu sehingga 2 bulan



1. Tiada merasa letih ketika berjalan
2. Fungsi paru-paru meningkat lebih 20%
3. Nikotin hilang sepenuhnya daripada darah

Selepas sebulan sehingga 9 bulan

1. Batuk dan rasa keletihan hilang
2. Kekuatan jasmani bertambah
3. Kandungan tar hilang dari paru-paru

Selepas setahun

1. Mengurangkan kebarangkalian mati disebabkan jangkitan/penyakit hati
2. Mengurangkan kebarangkalian mendapat kanser paru-paru, mulut, kerongkong, tekak dan pundi kecing.



Anda Bertanya, Jabatan Mufti Menjawab

Soalan 1

Adakah salah pada sisi Agama Islam seseorang memakai susuk di badan kerana tujuan untuk keselamatan diri?

Memakai susuk kerana keselamatan diri itu hukumnya adalah haram. Jika seseorang itu mengi'tiqad bahawa susuk itu boleh menghindarkan segala merbahaya maka perbuatan itu akan membawa kepada syirik bererti menyekutukan Allah S.W.T. dan dosanya sangat besar sekali sehingga tuhan tidak dapat mengampuninya selagi tidak kembali kepada mengesakan Allah sebagaimana yang telah difirmankan di dalam Al-Quran Surah An-Nisa' ayat 48 :

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ إِثْمًا عَظِيمًا .

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan Syari'atNya). Dan sesiapa yang mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya ia telah melakukan dosa yang besar."

Soalan 2

Apakah hukumnya seseorang Islam itu membuat gambaran (tatu) pada lengan dan anggota badan?

Memakai tatu pada lengan dan anggota badan itu adalah haram kerana perbuatan itu termasuk di dalam perkara-perkara yang dikutuk oleh Allah S.W.T. sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ وَالْوَأَشِمَةَ وَالْمُسْتَوْشِمَةَ.
- رواه البخارى ومسلم -

Maksudnya : "Dari Ibnu Umar r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengutuk orang yang menyambung rambut dan orang yang meminta supaya disambung rambutnya, orang yang membuat tatu dan orang yang meminta supaya dibuat tatu".

Disamping itu juga, untuk menghilangkan tatu tersebut adalah amat sukar sekali. Ianya hanya boleh dilakukan dengan mengikis menggunakan pisau. Ini sudah pasti akan memudharatkan diri dan ianya dilarang sama sekali dilarang dalam Islam.

Soalan 3

Adakah sah ibadah haji yang dilakukan oleh seseorang dengan menggunakan wang yang diperolehi secara tidak halal?

Ibadah haji yang dilakukan dengan menggunakan wang yang diperolehi secara tidak halal itu sah tetapi haram dan tidak gugur kewajibannya serta tidak mendapat apa-apa pahala dan tidak mendapat apa-apa keampunan malah pemergiannya itu hanya mendapat penat dan sia-sia sahaja kerana tuhan tidak menerima apa-apa yang kotor dan tidak baik sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W. :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا..... الحديث
- سند احمد -

Maksudnya : "Dari Abu Hurairah telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda : Sesungguhnya Allah S.W.T. itu baik dan ia tidak akan menerima melainkan yang baik".

Soalan 4

Apakah hukum seorang perempuan mengandung yang meninggalkan puasa di bulan Ramadhan kerana dikhuatiri memudaratkan diri dan anak di dalam kandungannya?

Seorang perempuan yang sedang mengandung harus berbuka puasa jika dikhuatiri dengan sebab puasa tersebut akan menjejaskan diri dan anak di dalam kandungannya. Begitu juga keadaannya adalah harus meninggalkan puasa bagi perempuan yang sedang menyusukan anak sekiranya dikhuatiri akan menjejaskan kandungan air susu tersebut. Ini berdasarkan keterangan sebuah hadis :

عَنْ أَنَسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ وَضَعَ عَنِ الْمُسَافِرِ الصَّوْمَ وَشَطْرَ الصَّلَاةِ وَعَنِ الْحَبْلَى وَالْمَرْضِعِ الصَّوْمَ.
-رواه البخارى ومسلم-

Maksudnya : Dari Anas r.a. Rasulullah S.A.W. telah berkata "Sesungguhnya Allah telah memaafkan setengah solat dari orang musafir, dan memaafkan pula puasanya, dan Dia memberikan (kemurahan) kepada wanita yang sedang hamil dan yang sedang menyusui".

-Riwayat Bukhari dan Muslim-

Walau bagaimanapun puasa yang ditinggalkan itu hendaklah diqada' / digantikan pada hari yang lain serta fidyah.

Soalan 5

Apakah daging yang diniatkan Qurban dan Aqiqah boleh dimakan oleh tuan punya yang melakukannya?

Daging qurban halal dimakan atau dimiliki oleh orang yang berqurban bahkan sunat ia mengambil satu pertiga. Akan tetapi daging "**qurban wajib**" atau daging "**qurban nazar**" haram dimakan oleh orang yang bernazar. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T. dalam Al-Quran :

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَةٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِيعُوا أَلْبَاسَ الْفَقِيرِ.

Maksudnya : "Supaya mereka menyaksikan berbagai manfaat bagi mereka dan supaya mereka menyebut nama Allah pada hari yang telah ditentukan atas rezeki yang Allah telah berikan kepada mereka berupa binatang ternak. Maka makanlah sebahagian daripadanya dan (sebahagian lagi) berikanlah untuk dimakan orang-orang yang sengsara dan fakir".

-Surah Al-Hajj, ayat 28-

Daging qurban, sunat dimakan oleh orang yang berqurban selebihnya disedekahkan kepada fakir miskin dalam keadaan mentah. Sedangkan daging aqiqah boleh dimakan oleh orang yang melakukan aqiqah dan disedekahkan kepada fakir miskin dan boleh juga diberi kepada orang kaya dalam keadaan sudah dimasak.

Soalan 6

Seseorang sampai di masjid sedang imam membaca khutbah Jumaat. Mana yang lebih afdal, sembahyang sunat تحية المسجد ataupun mendengar khutbah?

Seseorang yang sampai di masjid sedang imam membaca khutbah disunatkan ianya supaya bersembahyang sunat تحية المسجد secara ringkas iaitu dengan melakukan rukun-rukun sembahyang itu sahaja sebagaimana terdapat dalam hadis Rasulullah S.A.W. :

عَنِ الرَّبِيعِ هُوَ ابْنُ صَبِيحٍ الْبَصْرِيُّ قَالَ رَأَيْتُ الْحَسَنَ يُصَلِّي رَكْعَتَيْنِ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ وَقَالَ الْحَسَنُ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا جَاءَ أَحَدُكُمْ وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ فَلْيَصِلْ رَكْعَتَيْنِ خَفِيفَتَيْنِ يَتَجَوَّزَ فِيهِمَا قَالَ أَبُو مُحَمَّدٍ أَقُولُ بِهِ.
- سنن الدارمي -

Maksudnya : "Dari Rabi' (Ibnu Sobih Al-Basri) berkata bahawa beliau telah melihat Hasan bersembahyang dua rakaat sewaktu imam sedang berkhutbah dan berkata Hasan telah bersabda Rasulullah s.a.w. apabila datang kepada kamu seseorang sewaktu imam sedang berkhutbah maka sembahyanglah dua rakaat yang ringan iaitu tidak boleh tidak sahaja (rukun-rukunnya sahaja)".

KEPUTUSAN FATWA NEGERI SELANGOR

FATWA TENTANG HARGA ZAKAT PADU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

JADUAL

- (1) Harga zakat padi ialah 5% daripada hasil pendapatan kasar tanpa menolak kos pengeluaran.
- (2) Ini kerana dalam penanaman padi para petani perlu mengeluarkan kos yang tinggi termasuk perkhidmatan air dan jentera untuk mendapatkan hasil yang baik dan lumayan.
- (3) Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Negeri Selangor hendaklah membayar zakat padi kepada amil-amil atau penolong-penolong amil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor.

Dibuat pada 22 Mei 2001. Diwartakan pada 30 Ogos 2001
[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

FATWA TENTANG KAEDAH PEMBAYARAN ZAKAT KWSP

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

JADUAL

- (1) Kaedah pembayaran zakat KWSP adalah seperti berikut :
 - (i) Apabila menerima wang KWSP, seseorang hendaklah menunggu setahun bagi mencukupi haul barulah dikeluarkan zakat 2.5%; atau
 - (ii) Apabila menerima wang KWSP, seseorang bolehlah terus mengeluarkan zakat 2.5% tanpa menunggu tempoh setahun kerana dikhuatiri wang tersebut akan berkurangan dari segi nisabnya yang tidak wajib dikenakan zakat lagi.
- (2) Semua umat Islam yang tinggal atau bekerja di Negeri Selangor hendaklah membayar zakat KWSP kepada amil-amil atau penolong-penolong amil yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor.

Dibuat pada 22 Mei 2001. Diwartakan pada 30 Ogos 2001
[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

FATWA TENTANG HUKUM WANITA HAID DAN NIFAS MASUK KE DALAM MASJID

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

JADUAL

- (1) Wanita yang sedang haid dan nifas adalah tidak dibenarkan duduk diam di dalam masjid walaupun dengan tujuan pembelajaran semata-mata.
- (2) Hukum wanita haid dan nifas yang masuk ke dalam masjid adalah dibenarkan untuk sekadar melintasi atau melalui sekali lalu tanpa berulang-alik untuk keluar melalui pintu yang dimasukinya.

Dibuat pada 21 Jun 2001. Diwartakan pada 30 Ogos 2001
[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]

FATWA TENTANG AJARAN HAJI BANUAR BIN ROSLAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 31(1) dan seksyen 32 Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989, Mufti bagi Negeri Selangor, selepas berbincang dengan Jawatankuasa Perunding Hukum Syara', membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam jadual.

- (1) Ajaran Haji Banuar bin Roslan didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Ini adalah kerana ajaran tersebut didapati :
 - (a) Mencampuradukkan antara amalan kebatinan dengan agama untuk menarik perhatian seperti ilmu sihir;
 - (b) Haji Banuar bin Roslan mendakwa tidak perlu sembahyang Jumaat jika ada urusan yang lebih penting dan semua sembahyang fardhu boleh dijamakkan.
 - (c) Haji Banuar bin Roslan mengaku telah menerima Ilmu Laduni terus dari Allah di Kaabah semasa mengerjakan haji; dan
 - (d) Mengeksploitasikan agama untuk kepentingan peribadi seperti menggunakan kuasa sihir - seluruh pengikut diminta patuh dan mengeluarkan harta benda seperti wang ringgit kepada guru sebagai satu pengorbanan.Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.
- (2) Orang yang telah mengambil ijazah atau mengamalkan ajaran Haji Banuar bin Roslan hendaklah segera bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'alla.

Dibuat pada 20 Julai 2000. Diwartakan pada 5 Julai 2001 2001
[Mufti Sel. 500-2; PU. Sel. AGM/0007 Jld. 2]


**Dunia
adalah lautan yang
dalam dan telah banyak manusia
yang tenggelam, justeru itu sediakanlah
perahu untuk belayar dan ia adalah taqwa
kepada Allah
-Luqmanul Hakim-**

**Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:
"Jauhilah diri kamu daripada tujuh dosa yang boleh
membinasakan. Baginda ditanya: "Apakah dosa itu
wahai Rasulullah?" Baginda berkata: " Syirik kepada
Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh
Allah melainkan dengan jalan yang benar, memakan
harta anak yatim, memakan riba, lari dari medan
pertempuran perang dan menuduh perempuan yang
suci melakukan zina."**

PENENTUAN ARAH QIBLAT

JULAI – OKTOBER 2004

Bil	Nama Masjid / Surau	Tarikh Pengesahan	Latitud	Longitud	Azimut Kiblat
1.	Surau FEC Cable (M) Sdn. Bhd. Sekyen 16, Shah Alam	6/7/2004	03° 03' 18.2"	101° 30' 46.6"	292° 36' 3.76"
2.	Masjid Kg. Kunci Air Buang, Tg. Karang	6/7/2004	03° 27' 27.5"	101° 11' 17.3"	292° 27' 10.6"
3.	Surau At-Taqwa, Desa Melor, Serendah	17/7/2004	03° 21' 38.3"	101° 37' 37.3"	292° 26' 17.9"
4.	Surau Elaeis, Jln.Bait US/1, Tmn. Bukit Jelutong	17/7/2004	03° 05' 47"	101° 32' 06.4"	292° 34' 40.7"
5.	Surau Zon IKS Tmn. PKNS, Kuala Selangor	20/7/2004	03° 19' 03.5"	101° 15' 48"	292° 30' 37.4"
6.	Surau Plaza Tol Utara Selatan, Kuang	22/7/2004	03° 16' 26.1"	101° 33' 02.7"	292° 29' 26.3"
7.	Surau Tmn. Puchong Hartamas, Petaling	22/7/2004	03° 00' 19.9"	101° 37' 24.3"	292° 26' 30.7"
8.	Surau Al-Ikhwan Tmn. Samudera Utara, Gombak	24/7/2004	03° 14' 03.1"	101° 41' 57.5"	292° 29' 19.4"
9.	Surau Pusat Teknologi Mesin, Hulu Selangor	29/7/2004	03° 30' 31.9"	101° 37' 41.7"	292° 22' 1.05"
10.	Intekma Resort, Shah Alam	10/8/2004	03° 04' 38.0"	101° 30' 22.9"	292° 35' 28.9"
11.	Surau Tmn. Pelangi, Rawang	16/8/2004	03° 17' 40.6"	101° 33' 23.0"	292° 28' 47.6"
12.	Surau IKM, Beranang, Hulu Langat	24/8/2004	02° 54' 16.6"	101° 51' 56.3"	292° 37' 16.3"
13.	Surau Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan UPM Serdang	24/8/2004	02° 58' 41.9"	101° 43' 03.5"	292° 36' 28.5"
14.	Surau Kompleks Tractors Engineering, Puchong	25/8/2004	03° 01' 00"	101° 36' 49.1"	292° 36' 16.8"
15.	Surau Al-Muttaqin, Bukit Sentosa Rawang	26/8/2004	03° 25' 10.8"	101° 34' 57.0"	292° 24' 58.1"
16.	Surau Perumahan Sandaran Permai, Shah Alam	2/9/2004	03° 08' 0.5"	101° 29' 23.8"	292° 34' 0.45"
17.	Surau Al-Furqan, Bukit Sentosa Rawang	8/9/2004	03° 23' 55.3"	101° 33' 40.0"	292° 25' 45.1"
18.	Surau Al-Ikhwan, Bdr. Tasik Kesuma, Beranang	9/9/2004	02° 54' 50.5"	101° 52' 00.8"	292° 36' 59.3"
19.	Surau Palm Spring Kota Damansara	9/9/2004	03° 09' 11.1"	101° 36' 03.0"	292° 32' 29"
20.	Masjid Pekan Sepang	13/9/2004	02° 41' 41.6"	101° 45' 13.7"	292° 44' 11.3"
21.	Surau SRA Kg. Melayu Ampang Hulu Langat	14/9/2004	03° 08' 58.1"	101° 45' 56.5"	292° 31' 10.7"
22.	Surau Kompleks Rakan Muda Puchong	14/9/2004	03° 01' 16"	101° 36' 45"	292° 36' 9.77"
23.	Surau Pusat Inkubator & Makamal Kota Damansara	15/9/2004	03° 09' 23.9"	101° 34' 15.4"	292° 32' 38.3"
24.	Surau SMK Meru, Klang	16/9/2004	03° 08' 23.9"	101° 26' 33.3"	292° 34' 12.1"
25.	Surau Fakulti Kejuruteraan UPM	23/9/2004	03° 00' 23"	101° 43' 17"	292° 35' 38.1"
26.	Surau Kg. Gumut Tambahan, Kelumpang	27/9/2004	03° 37' 27.1"	101° 34' 47.5"	292° 19' 4.64"
27.	Surau Tmn. Bukit Bujang, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu.	19/10/2004	03° 32' 10.4"	101° 39' 21.1"	292° 21' 0.47"
28.	Surau Tmn. Bukit Jelutong, Shah Alam	21/10/2004	03° 06' 36.1"	101° 31' 59.8"	292° 34' 18.1"



وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ

وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

*Dan dirikanlah akan
sembahyang dan keluarkanlah
zakat, dan rukuklah kamu semua
(berjemaah) bersama-sama orang-
orang yang rukuk.*

-Al-Baqarah, ayat 43-

Jabatan Mufti Negeri Selangor
Aras 7 & 8, Menara Utara, Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55143400 / 3727 / 3715 / 3720 Fax: 03-55197584
e-mail: mufti_sel@selangor.gov.my web: mufti.selangor.gov.my

DESIGNED/PRINTED @ COASTAL GATEWAY PUBLICATION
Tel: 03-55114520 Fax: 03-55114521